

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menyegerakan langkah mengatasi masalah pencemaran bau dan air limpahan "*leachate*" dari Pusat Pelupusan Sampah di Sungai Udang, Melaka yang semakin serius menjejaskan keselesaan kebajikan dan kepentingan penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah limpahan air larut resap (*leachate*) dan pencemaran bau yang berlaku di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPS) Sungai Udang, Melaka adalah disebabkan sel-sel sedia ada tidak lagi mampu menampung lebihan kapasiti sisa pepejal yang diterima oleh TPS Sungai Udang. Keadaan tapak sel yang tinggi akibat lebihan kapasiti sisa pepejal juga telah menyebabkan kadar serakan bau lebih jauh dan cuaca yang lembab dan basah memudahkan berlakunya perebakan bau ke kawasan sekeliling.

2. Bagi mengatasi perkara ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat perancangan sewajarnya dengan pembinaan sel baharu yang sepatutnya disiapkan pada 18 Jun 2020. Namun telah berlaku kelewatan dalam pembinaan sel baharu ini disebabkan oleh kerja-kerja di tapak tidak dapat dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, pembinaan sel baharu ini telah dapat disiapkan pada 25 September 2020.

3. Selain itu, KPKT juga telah merancang untuk membina loji rawatan berkonsepkan *waste to energy* (WtE) di Sungai Udang, Melaka. Pada masa kini, KPKT dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) sedang dalam peringkat untuk memuktamadkan penyediaan dokumen *Request for Proposal* (RfP) bagi pembinaan loji rawatan WtE berkenaan. Pembinaan loji rawatan WtE ini akan dapat mengurangkan kuantiti sisa pepejal yang perlu dilupuskan ke tapak pelupusan seterusnya dapat mengatasi isu-isu kebakaran, bau, limpahan air larut resap (*leachate*) dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.